

29 OCT 1996

Parlimen-Bahas

KERAJAAN MESTI BIJAK PERTIMBANG PEMBIAYAAN DI LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Ruhanie Haji Ahmad berkata kerajaan mestilah bijak membuat pertimbangan untuk membenarkan institusi pelaburannya membiayai pelaburan syarikat Malaysia di luar negara.

Ketika membahaskan Belanjawan 1997 di Dewan Rakyat hari ini, Ruhanie (BN-Parit Sulong) berkata kerajaan juga perlu tegas dalam menangani pelabur tempatan yang hendak melabur di luar negara supaya syarikat berkenaan mendapatkan sumber luar bagi membiayai pelaburannya.

"Igauan ngeri mengenai skandal BMF, Carrian dan George Tan yang berlaku berpuluh tahun lepas masih lagi menghantui rakyat Malaysia. Ambillah pengajaran daripada peristiwa tersebut," katanya.

Ruhanie berkata beliau kurang memahami kenyataan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa membentangkan belanjawan itu Jumaat lepas bahawa syarikat tempatan yang melabur di luar negeri digalakkan meminjam di luar negara supaya pembiayaan itu tidak menyebabkan aliran keluar modal tempatan.

"Jika mesej yang tersirat ini benar, adakah memang terdapat beberapa syarikat Malaysia yang telah melabur atau sedang berura-ura berniaga di luar negara, yang telah memperolehi modal masing-masing dari institusi tempatan atau sednag berusaha untuk menjadikan agensi pelaburan kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tabung Haji, Khazanah Nasional Bhd sebagai rakan kongsi mereka?"

Ruhanie berkata berdasarkan laporan akhbar New Sunday Times 27 Okt, YTL Corporation Bhd, sebuah syarikat tempatan yang terkemuka sebagai pengeluar tenaga persendirian (IPP) kini gigih berusaha memujuk Khazanah Nasional Bhd untuk membeli ekuiti besar dalam Consolidated Electric Power Asia Ltd (CEPA), sebuah anak syarikat Hopewell Holdings di Hong Kong.

Beliau berkata berdasarkan laporan New Straits Times yang memetik laporan agensi berita AFP (25 Okt), Hopewell Holdings yang memiliki CEPA sedang menanggung beban hutang yang besar dan sedang mencari jalan mendapatkan wang untuk mengatasinya.

Katanya pada waktu yang sama, apakah benar seperti yang ditulis oleh Pengarang Kumpulan New Straits Times Datuk A. Kadir Jasin dalam akhbar New Sunday Times (27 Okt) bahawa YTL Corporation Bhd sedang gigih berusaha untuk memujuk Khazanah Nasional Bhd untuk membiayai satu projek di Hong Kong yang bernilai RM2,500 juta.

Ruhanie berkata agensi pelaburan kerajaan adalah milik rakyat dan lebih berfaedah sekiranya mereka melabur di dalam negara daripada membiayai pelaburan di luar negara seperti di Hong Kong yang belum diketahui masa depannya.

Katanya sekiranya perkara ini telah berlaku, kerajaan perlu menjelaskan kepada umum mengenai agensi kerajaan yang terlibat, jumlah modal serta di mana modal itu dilaburkan dan apakah amalan itu sejajar dengan dasar kewangan yang berhemat.

Menyentuh soal IPP, Ruhanie bersetuju dengan gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar IPP menyeragamkan kadar bayaran yang dikenakan kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Beliau berkata IPP mengaut keuntungan yang terlalu tinggi melalui bayaran yang terlalu tinggi kepada TNB sehingga ada sebuah IPP yang dijangka mengaut keuntungan hampir RM1.4 billion sementara untung yang diperolehi oleh TNB daripada transaksi hanyalah RM700 juta.

Katanya kerajaan harus bertegas dengan semua IPP yang enggan berkompromi atau yang enggan menyeragamkan harga elektrik yang dibekalkan kepada TNB.

Mengenai tarif telefon, Ruhanie meminta Telekom Malaysia dan syarikat-syarikat telefon di negara ini mengurangkan tarif telefon bagi membolehkan lebih ramai orang berpeluang menggunakan perkhidmatan komputer multi-media.

Beliau juga meminta Kerajaan mengadakan beberapa siri penerangan mengenai Perbadanan Pembangunan Multimedia dan pembangunan yang diadakan di bidang teknologi maklumat khususnya di Koridor Raya Multimedia.

Datuk Salleh Said Keruak (BN-Kota Belud) berkata kerajaan harus memberi perhatian serius bagi memajukan industri perkapalan memandangkan negeri Sabah mempunyai laut yang luas dan berpotensi memajukan industri itu.

Beliau berkata industri sokongan seperti pelancongan, pengangkutan dan industri membaik pulih kapal boleh diadakan di negeri itu.

Salleh mencadangkan beberapa insentif memajukan Sabah perlu diadakan memandangkan negeri itu masih jauh ketinggalan dalam pembangunan berbanding dengan negeri-negeri lain.

Katanya pembinaan kampus tetap Universiti Malaysia Sabah diperlukan bagi mencapai tahap sosio ekonomi yang tinggi terutamanya dalam membentuk masyarakat yang berilmu di kalangan rakyat Sabah.

Presiden Parti Bersatu Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan (PBS-Keningau) mencadangkan supaya kesemua tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) berikutan penglibatan dalam memalsukan kad pengenalan dan dokumen rasmi dibicarakan di mahkamah.

Katanya melalui proses perbincangan, sindiket pemalsuan dokumen yang lebih besar akan dapat dibongkar.

Mengenai cadangan menswastakan perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan, beliau berkata pelaksanaannya perlu diteliti bagi mengelakkan rakyat dibeban dengan bayaran yang tinggi berbanding mutu perkhidmatan.

Datuk Mohd Zihin Hassan (BN-Larut) dalam perbahasannya mencadangkan kerajaan mengambilalih segera sekolah-sekolah agama rakyat bagi menyelaraskan kurikulum pembelajaran sekolah berkenaan.

"Sekolah-sekolah agama yang ada kini tidak mempunyai agenda, wawasan dan kurikulum yang betul, jika adapun ia hanya mengikut kehendak pihak-pihak tertentu yang mengendalikannya," katanya.

Zihin juga menggamatkan dewan dengan gelak-ketawa apabila beliau menjelaskan mengenai peranan ulama pada zaman ini kepada Wan Mohd Jamin Mahmood (PAS-Tumpat).

Katanya, dalam usaha pihak ulama mengkaji keburukan dan kebaikan sesuatu perkara, ulama berkenaan dibolehkan untuk menonton konsert termasuk konsert Michael Jackson.

"Ulama boleh melihat konsert Michael Jackson untuk membuat kajian mengenai kesan positif dan negatifnya dalam masyarakat," katanya.

Zihin turut mencadangkan supaya Kolej Islam Malaya diwujudkan semula dalam usaha menghasilkan pelajar yang berkebolehan dalam bidang agama dan bidang-bidang lain.

Beliau berkata, saluran televisyen RTM1, RTM2, TV3 dan Metrovision perlu memperbanyakkan program berbentuk agama, pendidikan dan dokumentari selain daripada program hiburan.

Persidangan Dewan Rakyat disambung esok. -- BERNAMA

NZ RAZ NMO